

Persekitaran kondusif jamin kesejahteraan wanita berjaya

BH/15.03.23 / M/S 13

Prof Madya
Dr Che Hasniza
Che Noh,
Universiti
Malaysia
Terengganu

Aspek kesejahteraan wanita berkerjaya perlu diberi perhatian serius seiring dengan kemampuan mereka menyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat.

Hal ini tentu saja disebabkan pelbagai peranan yang perlu dimainkan wanita iaitu sebagai isteri, ibu, pekerja, anak dan sebagainya. Semua ini secara sedar atau tidak

menimbulkan konflik dan tekanan kepada wanita untuk kekal produktif.

Dalam hal ini, Kementerian Pengajian Tinggi pernah mengeluarkan geran bagi mengkaji aspek kesejahteraan wanita berkerjaya. Kajian itu memfokus kepada wanita berusia 40 tahun ke atas, sudah berkahwin, mempunyai anak dan mempunyai pengalaman kerja lebih 10 tahun.

Hasil kajian mendapati kegagalan dalam antara satu peranan sama ada sebagai isteri, ibu, anak atau pekerja serta tanggungjawab lain yang berkaitan akan mendatangkan kecelaruan. Ia akhirnya menjejaskan kesejahteraan dalam kehidupan wanita yang berkerjaya.

Dalam hal ini suami perlulah menjadi tulang belakang yang baik, penentu jatuh bangun kehidupan bekerja isteri. Berdasarkan kajian itu majoriti responden menyebut suami yang menyokong mampu memastikan wanita untuk meneruskan

kerjaya dengan berkesan. Malah, suami dilihat sebagai faktor terpenting untuk memastikan isteri meneruskan atau tidak kerjaya yang sedang diceburi.

Sokongan suami merangkumi sikap ringan tulang dalam membantu tugas-tugas rumah tangga, menjaga anak ketika isteri bertugas di luar kawasan atau perlu hadir bertugas sehingga lewat malam juga ketika hari cuti.

Reda suami beri kekuatan isteri bekerja

Selain itu reda suami yang membenarkan isteri keluar bekerja juga adalah faktor penting. Semua ini akan menjadi bertambah kuat jika ia dilengkapkan dengan sokongan daripada ibu bapa, keluarga mentua, adik-beradik dan ipar duai. Hal ini kerana ada sesetengah wanita perlu meninggalkan anak mereka dijaga oleh ibu bapa atau keluarga mentua. Kesediaan mereka membantu si ibu itu adalah sokongan terbaik bagi wanita berkerjaya. Begitu juga halnya jika mereka menggunakan khidmat pembantu rumah atau petugas pusat asuhan.

Namun, sokongan juga sebenarnya perlu datang daripada majikan dan rakan sekerja. Hal ini disebabkan tempat bekerja umumnya sudah menjadi rumah kedua. Malah ada kalanya, masa di tempat

kerja lebih lama berbanding rumah sendiri.

Justeru, persekitaran tempat bekerja perlu kondusif dan seimbang antara pekerjaan serta kehidupan. Jika terjadi konflik di pejabat, wanita cenderung mengambil keputusan berhenti kerja walaupun akan berhadapan dengan kekangan kewangan.

Justeru, aspek kepemimpinan yang menyokong termasuk ketua atau majikan yang memahami dan boleh bertoleransi misalnya keperluan ibu dalam mengurus rumah tangga dan kebajikan anak yang masih kecil amat membantu. Justeru jadual kerja fleksibel atau sikap toleransi dan boleh dibawa berbincang memang menjadi faktor sokongan terbaik.

Sebenarnya pembabitan wanita dalam kerjaya amat penting kerana sumbangan mereka yang besar dalam pembangunan keluarga, ekonomi, masyarakat dan negara. Namun demikian, wanita yang tidak dapat menyeimbangkan kerjaya dan keluarga akan mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya bagi memberi tumpuan sepenuhnya kepada keluarga.

Hal ini adalah satu kerugian kepada masyarakat, organisasi dan negara. Justeru itu, bagi mencapai keseimbangan antara kerjaya dan keluarga, aspek kesejahteraan wanita harus diberi perhatian.